

Catan Lanjutan: Perluasan Bahan, Media dan Integrasi Makna dalam Seni oleh Pelajar-Pelajar Seni Halus

Fauzan Omar

Universiti Sains Malaysia

Rencana ini memuatkan contoh-contoh hasil karya-karya pelajar seni halus yang mengikuti kursus Catan III di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, dan kursus Media dan Proses, di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, di mana penulis menjadi pembimbing utama dalam mengemudi kursus tersebut. Berikut adalah karya-karya yang diilhamkan oleh para pelajar dalam menerokai permasalahan perluasan bahan, media dan integrasi makna dalam seni di kedua-dua universiti.

Hasil sebuah karya seni hanya wujud bilamana seorang pelukis dapat memusatkan penguasaan dengan mengenakan aturan terhadap bahan pilihannya. Apabila seorang pelukis berkarya dengan media yang dipilih biasanya dia mengetahui dan memahami selok-belok media yang akan digunakan. Dia mengetahui bahawa terdapat perkara yang boleh dan tidak boleh (selain menemui kepelbagaian cara mengimplementasikan bahan) yang digunakan demi untuk menepati matlamatnya. Pelukis tersebut dapat mencipta teknik yang lebih baik dan memperoleh pengetahuan mendalam terhadap penggunaan bahan dan seterusnya meningkatkan kemahiran penggunaan bahan itu sendiri untuk menyempurnakan tugas kerjanya.

Bahan Jumpa dalam Seni Halus

Penggunaan bahan termasuk bahan jumpa dalam seni halus telah membawa kesan dan memecahkan hierarki lama. Sememangnya jelas bahawa bahan adalah penting di dalam apa jua objek seni, tetapi kepentingan sesuatu bahan terletak pada caranya mempengaruhi bentuk dan makna, ia bukan di




Foto 1 *Kedai Alat Ganti*; Media: televisyen, zink, cetakan digital, fotografi, monitor komputer, komponen elektrik dan plastik; tahun 2002



Foto 2 *Kedai Gunting di Siniawan*; Media: zink, cetakan fotografi, plastik dan panel kayu; tahun 2002

tahap yang diukur dari sudut harga, keganjilan dan sebagainya. Dengan bahan, bidang pengalaman manusia yang luas, tahap citarasa yang tinggi serta rangka rujukan di peringkat transnasional, seseorang pelukis serta pemerhati mempunyai jumlah pilihan yang tidak terhad. Pilihan berkisar dari tradisi kepada eksperimentasi, manipulasi formula matematik kepada kebarangkalian, media lama kepada percubaan “plexiglass” dan plastik, seni arca statik yang terletak kukuh di atas pedestal kepada mobiliti dan seni kinetik yang bergerak, media tunggal yang terhad kepada penggunaan media yang pelbagai. Jadi, apabila tiba kepada melakukan sesuatu, masalah yang menakjubkan ialah terdapatnya banyak kemungkinan yang boleh dilaksanakan dalam seni.




Foto 3 *Perlindungan*; Media: tin, lilin, papan tanda dan panel kayu; tahun 2002

Penggunaan teknologi dalam aktiviti seni tampak pula telah mengubah kepercayaan tradisi tentang kemahiran tangan dan menyediakan para pelukis kepada proses kreatif yang luas. Alatan elektronik seperti video, komputer dan mesin penyalin menyediakan perubahan, dan anjakan yang hebat terhadap konsep dalam pelaksanaan karya seni. Media ini telah membuka lembaran baru terhadap penerokaan dalam kesenian, meluaskan parameter dan mencipta bentuk-bentuk baru. Ia menggalakkan pemahaman baru dan pertumbuhan estetik. Contohnya, komputer adalah keperluan sejagat di mana kod abjad digital boleh digunakan untuk menghasilkan imej, teks ataupun bunyi. Ia boleh digunakan dalam apa jua bidang yang diceburi, bukan sahaja sebagai bentuk hubungan yang baru dalam konteks seni tetapi juga dalam bidang-bidang sains lain.




Foto 4 Karya T. C. Liew, *Stay Away from Her*; Media: montaj fotografi dan cetakan digital; tahun 2006

Mesin-mesin elektronik seperti komputer, video dan mesin penyalin telah memberi kesan secara langsung kepada kehidupan kita melalui media massa. Dalam kerjaya, kita memerlukan kemahiran komputer, mengetahui pasaran antarabangsa, pelaburan bank elektronik dalam tindak balas penemuan luas alatan teknologi dan amalan. Sehingga kini, kita telah membangunkan keupayaan mekanikal ataupun perantaraan elektronik dalam semua peralatan mata, sistem bunyi sebagai perantaraan telinga, dan komputer sebagai perantaraan otak. Kesemua perantaraan ini mencipta perubahan dalam perhubungan antara pancaindera yang menuju ke arah persepsi yang baru dan pengubahsuaian kesedaran terhadap dunia. Sejarah perubahan terhadap kesedaran ini terikat oleh kemajuan besar dalam bidang teknologi dari zaman praindustri hinggalah ke zaman elektronik. Telefon, televisyen dan komputer adalah gambaran sebenar terhadap persepsi kita dan mekanisme kognitif. Kesannya, revolusi elektronik telah memenuhi keperluan kita dengan sistem kolektif yang membolehkan kita mengikut arus dunia.



Foto 5 Karya Yuhana Azmi, *Kenangan Masa Dahulu*; Media: sejadah, cetakan digital, jahitan dan montaj fotografi; tahun 2007

Pelukis yang mencari “bidang baru” dan menyahut cabaran baru menggunakan teknologi yang sedia ada kerana mereka mampu bertindak lebih bersungguh-sungguh dan lebih ekspresif dengan isu baru dan bahan pilihan baru dari kehidupan kontemporari. Penggunaan bahan yang baru membolehkan pelukis lebih bebas untuk menghasilkan bentuk baru dan mencapai tanggapan penting dengan menggunakan asas teknologi sezaman. Apabila meneroka isu-isu sosial dan teknologi, adalah kuasa yang penting untuk mencapai kenyataan bilamana ia membantu untuk menjelaskan isu budaya dan kehidupan sosial serta mengangkat persoalan-persoalan yang dapat membantu orientasi tentang isu-isu kompleks dan berbahaya di persekitaran kita.



Foto 6 Karya Sailaja a/p Ganesan, *Believe*; Media: poster, kayu, beras dan batu-bata; tahun 2007



Foto 7 Karya Yuhana Azmi, *Welcome Home*; Media: cetakan digital atas fabrik, kayu, kerusi antik, tong plastik, tirai plastik, cetakan *inkjet*, kadbod; tahun 2007

Salah satu tanggapan terhadap peranan teknologi dalam perhubungan dan fungsi seni sebagai bentuk komunikasi sosial telah ditulis pada tahun 1936 oleh seorang pengkritik dan ahli falsafah Jerman, iaitu Walter Benjamin dalam bukunya *The Work of Art in the Age of Mechanical Reproduction*. Beliau telah menegaskan bahawa teknologi fotografi telah mengubah keseluruhan sifat seni – bagaimana sebuah karya seni dihasilkan, bagaimana ia dilihat, dinilai di dalam terminologi kewangan dan sosial, kesan terhadap perhubungan antara pelukis dan peranannya di dalam masyarakat. Tulisan beliau mempersoalkan pembangunan dalam fotografi bukan sahaja memberi kesan bagaimana karya seni itu dihasilkan dan dilihat, malah teknologi fotografi juga menghasilkan bentuk seni yang dinamik. Ia menyediakan kaedah di mana seni dapat dipelajari, diterbitkan semula dan bertindak balas dengan masyarakat secara meluas jika dibandingkan dengan keadaan yang sebelumnya.




Foto 8 Karya T. C. Liew, *To Whom It May Concern*; Media: montaj fotografi dan cetakan digital; tahun 2006

Formulasi ruang ilusi, iaitu kemajuan utama pada zaman Renaissance, telah mengarahkan satu titik pandangan sebagai pusat kepada dunia nyata. Oleh sebab pertembungan struktur matematik titik lenyap, imej-imej yang dibina menjadi pandangan yang lebih jelas di dalam ilusi penciptaan yang lebih ideal. Walau bagaimanapun, penghasilan kamera telah memperlihatkan pandangan berbeza. Imej yang diambil bergantung kepada arah mata dan pada waktu tertentu. Realiti fotografi tidak dapat dipisahkan daripada konsep masa yang berlalu dan pengalaman terhadap realiti visual pada tempat-tempat yang tertentu.




Foto 10 *D'Tangga Project*; Media: instalasi video, persembahan interaktif dan kanvas sebagai tabir; tahun 2007



Foto 11 Karya T. C. Liew, *Pot-luck (Purdue)Tan-jong/tan-jong I-tuo Bi-kin Series*; Media: persembahan interaktif, instalasi *site-specific* dan instalasi video; tahun 2007

Perluasan media kini telah mencipta kemungkinan-kemungkinan yang berbeza dalam arena seni yang baru melalui teknologi elektronik. Kini pelukis dapat melihat, berfikir dan bekerja secara berbeza berdasarkan perubahan yang sangat besar dalam budaya kita. Perluasan media telah membawa bidang baru. Rencah imejan kini menjadi saluran informasi, budaya dan masyarakat. Era pasca-modern juga telah membawa persoalan yang tidak terhad. Apabila penggunaan peralatan teknologi baru menembusi budaya kita, isu mengenai hakikat kesenian atau “the nature of art” bangkit dalam proses pembentukan sejarah yang baru. Setiap pelukis diberi peluang untuk mengkaji hala tuju mereka dan mengenal pasti cara untuk meluaskan penggunaan media.



Foto 10 *D'Tangga Project*; Media: instalasi video, persembahan interaktif dan kanvas sebagai tabir; tahun 2007



Foto 11 Karya T. C. Liew, *Pot-luck (Purdue)Tan-jong/tan-jong I-tuo Bi-kin Series*; Media: persembahan interaktif, instalasi *site-specific* dan instalasi video; tahun 2007

Perluasan media kini telah mencipta kemungkinan-kemungkinan yang berbeza dalam arena seni yang baru melalui teknologi elektronik. Kini pelukis dapat melihat, berfikir dan bekerja secara berbeza berdasarkan perubahan yang sangat besar dalam budaya kita. Perluasan media telah membawa bidang baru. Rencah imejan kini menjadi saluran informasi, budaya dan masyarakat. Era pasca-modern juga telah membawa persoalan yang tidak terhad. Apabila penggunaan peralatan teknologi baru menembusi budaya kita, isu mengenai hakikat kesenian atau “the nature of art” bangkit dalam proses pembentukan sejarah yang baru. Setiap pelukis diberi peluang untuk mengkaji hala tuju mereka dan mengenal pasti cara untuk meluaskan penggunaan media.




Foto 12 Karya T. C. Liew, *ma-li Pes-sta Ari-ari/tan-jong I-tuo Bi-kin Series*; Media: tin biskut, botol air, tin minyak tanah dan tong aiskrim; tahun 2007